

BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU (BMBI) DI RUANG SIBER: SUATU ANALISIS SOSIOLOGI TEHADAP PEMBANGUNAN PANGKALAN DATA BMBI

(*Malay as the Language of Knowledge (BMBI) on Cyber Space: A Sociological Analysis towards the Database Development of BMBI*)

Ahmad Rizal Mohd Yusof, Mohd Firdaus Hamdan, Shamsul Amri Baharuddin & Mohd Syariehudin Abdullah

ABSTRAK

Usaha untuk membina dan memperkembangkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu sentiasa dilakukan oleh pelbagai institusi akademik dan bukan akademik bertujuan untuk mengukuhkan lagi korpus ilmu dalam Bahasa Melayu. Pelbagai inisiatif dilakukan disamping pihak yang terlibat turut memainkan peranan utama dalam memacu usaha murni ini. Salah satu daripada langkah strategik yang dapat memenuhi hasrat ini adalah dengan membangunkan sebuah pangkalan data yang dikenali sebagai Pangkalan Data BMBI. Pangkalan data BMBI dibangunkan di Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia. Pangkalan data ini menyimpan sejumlah besar tesis yang ditulis dalam Bahasa Melayu untuk semua disiplin ilmu di UKM dan memberi kemudahan kepada pengguna untuk mencapai dan mengakses tesis-tesis yang telah didigitasi. Bagi menyiasat dengan terperinci pembangunan pangkalan data ini, suatu analisis secara sosiologi dilakukan bertujuan untuk memastikan pembangunan pangkalan data ini dapat memenuhi matlamat yang diidamkan. Dengan menggunakan struktur, proses dan output, kajian ini dapat mengenalpasti isu-isu yang berkait dengan aspek sosiologi melalui analisis yang dilakukan dengan menggunakan lima domain dan fokus tumpuan. Analisis yang dilakukan ini bukan sahaja dapat menghurai aspek-aspek sosiologi yang terlibat malah ia mampu merungkai segala hal yang berkait dengan kajian yang dijalankan. Dalam suatu konteks yang lebih luas, penggunaan tiga faktor dalam sosiologi ini telah memberikan suatu sumbangan yang besar terutamanya dalam usaha membina kefahaman terhadap bidang sosiologi dan teknologi maklumat.

Katakunci: Pangkalan Data BMBI, sosiologi, nilai domain, fokus tumpuan, digital.

ABSTRACT

Efforts to construct and develop Malay Language as a language of knowledge are always conceded by academic and non-academic institutions. Most of the efforts aimed at strengthening the corpus of knowledge in Malay Language. Various initiatives have been taken besides the involvement of other parties also plays a major role in driving this effort. One of the strategic that can achieve this aspiration is through the development of database known as the BMBI Database. The BMBI database is developed at the Institute of Ethnic Studies (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia. This database holds a large number of theses written in Malay for all disciplines in UKM and facilitates users to access and retrieve digitized theses. To specifically investigate the development of this database, a sociological

analysis is aimed at ensuring that the development of this database accomplished the desired goals. Using the structure, process and output, this study can identify issues related to sociological aspects through analysis conducted using five domains and focus areas. This analysis not only describes the sociological aspects involved but it has a potential to reveal sociological elements related to the research. The use of the three factors in sociology has provided a significant contribution especially in the effort to develop an understanding towards sociology and information technology.

Keywords: BMBI Database, sociology, domain value, focus area, digital

PENGENALAN

Bahasa Melayu merupakan bahasa komunikasi utama kepada masyarakat Malaysia secara umumnya. Sejak berabad lamanya, Bahasa Melayu menjadi bahasa pertuturan di antara etnik di Malaysia. Bahasa Melayu turut digunakan sebagai bahasa perdagangan sewaktu zaman kegemilangan kerajaan Melaka dahulu. Kedatangan Islam telah memberi pengaruh besar kepada Bahasa Melayu sehingga sistem penulisannya dipengaruhi oleh huruf-huruf Arab dan dikenali sebagai Jawi. British turut memperkenalkan tulisan Rumi bagi memudahkan komunikasi dengan etnik Melayu dalam aspek pentadbiran. Usaha untuk memperkuuh kedudukan Bahasa Melayu dilakukan oleh kerajaan selepas Malaysia mencapai kemerdekaannya pada tahun 1957. Bahasa Melayu telah diangkat dalam Perlembagaan Malaysia, Bahagian 12, Perkara 152 sebagai bahasa kebangsaan dan menjadi salah satu daripada definisi kemelayuan dalam Perlembagaan Malaysia Perkara 163. Bagi memantap dan menguatkan lagi penggunaan Bahasa Melayu, penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka, DBP pada tahun 1956 bertujuan untuk menggerak dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. DBP bukan sahaja berjaya memenuhi matlamat penubuhannya malah DBP dilihat mampu menggalas tugas untuk memartabatkan lagi penggunaan Bahasa Melayu melalui pelbagai aktiviti yang bersifat akademik dan bukan akademik demi memastikan Bahasa Melayu terus segar mekar di Malaysia. Penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu turut diperkayakan dengan pelbagai penerbitan buku dan perkongsian digital yang dilakukan oleh DBP bertujuan untuk memudahkan capaian dan akses pengguna selain menyemai minat mendalam di kalangan peminat Bahasa Melayu di dalam dan luar negara.

Usaha untuk membangun dan memperkembangkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai ilmu bukan sahaja dilakukan oleh DBP. Ia turut dilakukan oleh beberapa institusi pengajian tinggi awam seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia dan sebagainya. Unviersiti Kebangsaan Malaysia sebagai contoh telah banyak melakukan usaha untuk membangun dan memperkembangkan penggunaan Bahasa Melayu dalam proses pengajaran, pembelajaran, kajian dan penyelidikan. Walaupun pelbagai cabaran telah dilalui, terutamanya sewaktu pelaksanaan Proses Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI), UKM tetap teguh melaksanakan setiap proses pengajaran dan pembelajaran dalam Bahasa Melayu dan memberi kelonggaran untuk bidang lain meneruskan pengajian dalam Bahasa Inggeris. Hal ini memberi kekuatan kepada UKM sendiri dalam memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Namun demikian, usaha yang telah dilakukan ini tidak cukup dengan hanya memfokus kepada aspek dalaman sahaja. Bagi melebarluaskan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, sekaligus

mengangkat Bahasa Melayu ke suatu ruang yang lebih luas, terutamanya dalam konteks kajian dan penyelidikan, Pangkalan Data Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dibangunkan. Pangkalan data ini menyimpan sejumlah besar tesis-tesis yang telah ditulis dalam Bahasa Melayu peringkat sarjana dan phd, dalam bidang sains dan bukan sains. Kesemua tesis tersebut boleh diakses dan dicapai melalui pangkalan data ini dengan menggunakan pelbagai peranti seperti telefon pintar, computer, notebook dan sebagainya. Pangkalan data ini dibangunkan bertujuan untuk menghimpunkan semula tesis sarjana dan PhD yang telah ditulis sejak awal penubuhan UKM sehingga tahun 2014, memposisikan semula bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di peringkat global dan menjadikan UKM sebagai peneraju utama terhadap kajian dan penyelidikan di dalam Bahasa Melayu. Pangkalan data ini dilihat mampu menjadi suatu ikon baru bagi menyemai minat serta meningkatkan motivasi dikalangan peminat Bahasa Melayu, yang akademik dan bukan akademik, di dalam atau di luar negara bagi meneruskan usaha dalam kajian dan penyelidikan untuk pelbagai bidang di dalam Bahasa Melayu.

Untuk memastikan pembangunan pangkalan data ini memenuhi hasrat yang diidamkan, artikel ini memfokus kepada analisis dan perbincangan terhadap kajian yang dijalankan melalui analisis secara sosiologi. Analisis sosiologi merangkumi suatu penjelasan secara berstruktur terhadap kajian ini dengan menggunakan pendekatan serta konsep pembangunan sosial yang diperkenalkan oleh Wirutomo (2011, 2014 & 2016). Konsep pembangunan sosial sebenarnya merupakan suatu langkah holistik yang dapat memudahkan kajian melihat dalam suatu aspek yang lebih luas terhadap hal-hal yang berkait dengan kajian ini.

ANALISIS SOSIOLOGI MELALUI KONSEP PEMBANGUNAN MASYARAKAT

Analisis secara sosiologi merangkumi penerangan yang menghuraikan aspek-aspek sosiologi yang terlibat dalam kajian ini. Hal ini penting untuk ditekankan kerana aspek sosiologi dapat menghuraikan secara terperinci faktor-faktor yang terlibat dalam kajian ini dan ianya nanti dapat memudahkan perbincangan dilakukan secara berstruktur. Sebelum analisis dilakukan, tinjauan terhadap beberapa kajian dan penyelidikan yang berkait dengan bidang sosiologi telah dijalankan. Daripada sejumlah besar kajian dan penyelidikan yang berkait dengan bidang sosiologi, kajian ini memilih untuk menggunakan pendekatan yang telah digunakan oleh Paulus Wirutomo dalam memahami pembangunan sosial masyarakat Indonesia. Ringkasnya Wirutomo telah membangunkan konsep mudah untuk memahami fenomena, perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam mana-mana masyarakat di dunia. Ia merangkumi tiga faktor asas yang dapat memudahkan penjelasan terhadap masyarakat iaitu struktur, budaya dan proses.

Wirutomo (2011) sebenarnya berhasrat untuk membangunkan sebuah konsep pembangunan masyarakat yang bersifat holistik dan sistematis. Walaupun sebelum ini terdapat beberapa konsep pembangunan yang berpotensi digunakan untuk menjelaskan pembangunan sesebuah masyarakat seperti yang telah diperkenalkan oleh Stimson, Stough & Salazar (2005), ia masih lagi dipengaruhi oleh dua aspek lain seperti ekonomi dan fizikal. Wirutomo menjelaskan keperluan untuk memperkenalkan konsep pembangunan sosial secara sistematis sangat penting berasaskan kepada orientasi elemen asas dalam masyarakat. Ini disebabkan atas kepada pembangunan ekonomi dan fizikal yang wujud dalam mana-mana

masyarakat di dunia berpunca daripada tiga faktor penting iaitu struktur, proses dan budaya. Dalam hal ini, Wirutomo sebenarnya tidak memisahkan sector ekonomi dengan masyarakat. Beliau hanya berpandangan atas kepada masyarakat itu sendiri perlu kukuh dan konsisten sebelum sebarang penjelasan atau analisis dilakukan terhadap jatuh bangunnya sector ekonomi atau fizikal dalam masyarakat. Selain itu, penjelasan terhadap konsep pembangunan sosial juga harus dilakukan dahulu sebelum penjelasan terhadap pembangunan sectoral seperti ekonomi, politik, perdagangan, industri dan sebagainya. Ini kerana pembangunan sectoral yang tidak melibatkan aspek sosial gagal memastikan kehidupan yang selesa yang dapat dikecapi secara optimum. Dalam konteks ini, Wirutomo berpandangan pembangunan sectoral biasanya hanya memenuhi keperluan golongan kapitalis dan kurang menekankan kepada keselesaan masyarakat secara umum. Oleh itu bagi memastikan pembangunan masyarakat yang holistik dan sistematik, keperluan untuk memahami tiga faktor asas dalam masyarakat iaitu struktur, proses dan budaya perlu dititik beratkan sebagai elemen penting bagi melihat suatu gambaran yang luas tentang konsep pembangunan masyarakat di mana-mana tempat di dunia.

Struktur sosial adalah corak hubungan (terutamanya kekuasaan hubungan) antara kumpulan-kumpulan sosial yang menunjukkan pemakaian, kepentingan, dan kekangan yang dominan kepada kumpulan yang kurang berkuasa. Kuasa struktur sosial ini biasanya diinstitusikan secara perundangan yang rasmi seperti peraturan kerajaan atau yang tidak rasmi seperti kuasa dunia perniagaan yang mencengkam kehidupan masyarakat. Walaupun penginstitusian perniagaan swasta tidak melalui undang-undang penguatkuasaan, ia berkesan untuk mengawal kehidupan masyarakat, iaitu melalui iklan, kemudahan fizikal yang disediakan oleh syarikat dan sebagainya. Hal ini sering digunakan oleh pihak berkuasa (dengan kerjasama ahli perniagaan atau korporat) untuk membina corak penguasaan struktur yang menindas masyarakat. Oleh itu, pembangunan struktur adalah usaha untuk mengimbangi hubungan kuasa antara kerajaan dan orang atau antara kumpulan kaya dan miskin melalui dasar pembangunan, undang-undang, serta hal lain yang memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhan atau, dalam erti kata lain, mengubah struktur eksklusif (tidak adil, diskriminasi) menjadi satu inklusif (adil, memberi hak yang sama).

Budaya pula adalah sistem nilai, norma, kepercayaan, dan kebiasaan, serta tradisi, yang dialami oleh individu atau masyarakat. Ia dapat membentuk corak tingkah laku dan sikap anggota masyarakat. Budaya yang sering diamalkan tidak semestinya cara hidup terbaik yang memberi kesejahteraan kepada rakyat. Terdapat pelbagai kumpulan berkuasa yang cuba memelihara budaya sedia ada untuk melindungi kepentingan mereka sendiri dan menindas kumpulan lain melalui hegemoni budaya. Oleh itu, perkembangan program budaya diperlukan untuk meningkatkan kualiti masyarakat, moral dan sistem yang menghalang kemakmuran mereka atau memanipulasi mereka secara langsung dan secara tidak langsung.

Proses sosial pula adalah dinamik dan ia berlaku setiap hari secara tidak formal melibatkan interaksi antara ahli masyarakat dan yang berbudaya. Melalui proses sosial, individu atau kumpulan dalam masyarakat bebas menyatakan pandangan mereka, berbincang secara dinamik dan kreatif, mengadakan wacana di kalangan ahli komuniti dan sebagainya. Ini akan memudahkan suatu perubahan dilakukan sekaligus dapat menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi. Pembangunan proses sosial turut merangkumi penyediaan ruang untuk interaksi sosial bagi memastikan kuantiti dan kualiti sentiasa berada pada tahap yang terbaik. Proses sosial yang konsisten turut disumbangkan oleh struktur dan budaya yang memberi manfaat besar kepada setiap golongan dalam masyarakat.

PENDEKATAN KEPADA KONSEP PEMBANGUNAN MASYARAKAT

Daripada penjelasan yang telah diberikan terhadap Konsep Pembangunan Sosial oleh Wirutomo, kajian berpandangan, tiga faktor asas dalam memahami masyarakat iaitu struktur, proses dan budaya sangat relevan digunakan sebagai asas dalam menganalisis serta membincangkan aspek sosiologi yang mendasari kepada pembangunan pangkalan data Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Ketiga-tiga faktor ini dapat memudahkan analisis dan perbincangan dilakukan terhadap pembangunan pangkalan data ini yang secara umumnya banyak melibatkan interaksi di antara manusia di dalam suatu organisasi, pemahaman dan implementasi kemahiran teknologi maklumat dalam pembangunan pangkalan data dan juga laman web. Kajian juga ingin menegaskan, struktur, proses dan budaya yang dinyatakan dan dibincangkan oleh Wirutomo (2011, 2014 & 2016) melalui penulisan beliau adalah bersesuaian dengan konteks serta subjek perbincangan yang disampaikan terutamanya yang berkait dengan pembangunan masyarakat serta kesan ekonomi masyarakat setempat di Indonesia, dengan memfokus kepada beberapa provinsi seperti Solo, Surakarta dan Jakarta. Namun dalam konteks yang lebih luas, terutamanya untuk melakukan analisis dan perbincangan, implementasi terhadap ketiga-tiga faktor tersebut perlu dijelaskan. Ia penting bagi menyesuaikan ketiga-tiga konsep tersebut dengan kajian ini.

Untuk struktur sosial, Wirutomo (2011) telah mendefinisikan struktur sosial dengan merujuk kepada hubungan di antara suatu kumpulan sosial dengan pemerintah atau ahli perniagaan dan korporat yang sering menindas golongan masyarakat untuk pelbagai produk dan perkhidmatan. Namun demikian, kajian tidak berhasrat menggunakan definisi yang dinyatakan oleh Wirutomo. Kajian berpandangan, pemahaman terhadap struktur sosial ini lebih umum sifatnya dan ianya masih lagi melibatkan suatu corak hubungan yang konsisten di antara golongan pemerintah atau pentadbir, dengan masyarakat atau pekerja bawahan samada yang profesional atau bukan profesional. Hal ini sebenarnya yang memberi perbezaan besar di antara pemahaman yang dibentuk di antara dua golongan kumpulan sosial ini yang sebenarnya dapat digunakan secara mudah dalam memahami sekaligus mengartikulasi corak hubungan yang dapat dianalisis secara umum. Selain itu, struktur sosial juga sebenarnya memberikan gambaran secara umum dan sistematik untuk mana-mana institusi atau organisasi, samada yang kecil atau besar, kerajaan atau swasta, yang dapat memudahkan pengurusan dan pentadbiran dijalankan. Giddens (2009) turut mendefinisikan konsep struktur sosial dengan merujuk kepada kehidupan sosial tidak dipengaruhi oleh pelbagai kejadian atau tindakan yang bersahaja. Ia telah distrukturkan dan dibentuk dengan cara yang berbeza melalui peraturan bagi membentuk sikap masyarakat dan menjalin hubungan di antara satu sama lain. Definisi yang dinyatakan oleh Giddens ini sebenarnya lebih umum sifatnya dan ia dapat memberi suatu gambaran yang lebih luas tentang struktur sosial dan kesesuaian penggunaanya dalam mana-mana kajian atau penyelidikan yang berkait dengan masyarakat.


Namun kajian bersetuju dengan penjelasan dan definisi yang diberikan oleh Wirutomo (2011) terhadap proses sosial yang dinyatakan. Secara umumnya proses dapat memudahkan urusan perjalanan dasar atau polisi institusi atau organisasi. Proses juga dapat memberikan gambaran secara holistik aturan setiap langkah yang sistematik dalam memenuhi agenda dan matlamat sesuatu institusi atau organisasi. Maka dengan berpandukan kepada definisi dan penerangan daripada Wirutomo (2011), kajian dapat memudahkan lagi analisis dan perbincangan yang akan dilakukan nanti. Untuk budaya, kajian sebenarnya melihat budaya sebagai hasil daripada struktur dan proses yang konsisten. Ini bermaksud, melalui

perancangan yang strategik oleh mana-mana institusi atau organisasi, struktur yang mantap dapat memudahkan proses yang berjaya dan ianya nanti dapat menghasilkan suatu budaya yang positif dikalangan masyarakat ataupun aktor sosial yang terlibat dalam pelaksanaan dasar atau polisi yang telah dirancang. Dalam konteks semasa, budaya juga dapat diterjemah kepada hasil atau output yang memberi keberkesanan pelaksanaan dasar dan polisi melalui struktur dan proses yang mantap dan berkesan. Penterjemahan istilah budaya kepada output juga turut dibincangkan oleh sarjana dalam bidang sosiologi seperti Loyal (2003) dan Giddens (2009). Kedua-dua sarjana tersebut membincangkan dengan jelas tentang budaya yang akhirnya dapat diterjemahkan kepada output dalam konteks memahami proses pembangunan masyarakat, institusi atau organisasi. Giddens (2009) sebagai contoh telah menjelaskan aspek budaya sebagai suatu istilah dalam bidang antropologi dan merupakan hasil kepada pemahaman yang diperolehi daripada fenomena yang berlaku yang memberi kesan kepada mana-mana individu, masyarakat, institusi dan organisasi. Pandangan daripada Giddens (2009) ini dapat mengukuhkan lagi hasrat kajian ini dalam usaha melakukan analisis dan perbincangan melalui aspek sosiologi. Ini memberikan suatu kelebihan yang besar kepada kajian ini kerana kebanyakkan pembangunan pangkalan data hanya bersifat inklusif dan tidak melibatkan hal-hal yang berkait dengan birokrasi dan pentadbiran.

ANALISIS SOSIOLOGI

Seterusnya bagi memudahkan analisis secara sosiologi dilakukan, kajian telah melakukan beberapa pemerhatian khusus tehadap kajian dan penyelidikan lain yang dijalankan oleh sarjana dan penyelidik dalam dan luar negara. Daripada sejumlah besar penelitian yang dilakukan, suatu laporan eksekutif yang disediakan oleh Linkins et.al.(2002) melalui The Lewin Group Inc. digunakan sebagai panduan bagi memenuhi tuntutan dan keperluan kajian ini. Ringkasnya, Linkins et.al (2002) melalui The Lewin Group Inc. telah melakukan suatu kajian terhadap penilaian profil kecekapan budaya di organisasi penjagaan kesihatan. Kajian ini bertujuan untuk membangunkan kerangka analitik bagi menilai kecekapan budaya kerja di organisasi penjagaan kesihatan, mengenalpasti indikator penting untuk digunakan dalam kerangka analitik, dan menilai utiliti, kelayakan dan aplikasi praktikal untuk kerangka analitik dan indikatornya. Linkins et.al (2002) turut mendefinikan kecekapan budaya sebagai suatu set tingkah laku, sikap, dan polisi yang sesuai untuk diintegrasikan ke dalam sistem, agensi, atau di kalangan profesional. Ini dapat memudahkan sistem, agensi, atau profesional itu bekerja dengan berkesan dalam situasi silang budaya.

Penilaian profil yang dilakukan oleh Linkins et.al (2002) melibatkan tiga bahagian iaitu domain, fokus tumpuan dan indikator. Domain dibahagikan kepada tujuh komponen lain iaitu, nilai organisasi, governans, perancangan dan pemantauan/penilaian, komunikasi, pembangunan kakitangan, infrastruktur organisasi dan perkhidmatan dan intervensi. Setiap satu domain tersebut memiliki fokus tumpuan masing-masing dan ianya berkait dengan penerangan ringkas mengenai domain tersebut. Kemudian indikator diklasifikasikan kepada empat jenis iaitu, struktur, proses, output dan outcome (hasil pertengahan). Kesemua indicator ini dapat memberikan gambaran yang komprehensif terhadap kecekapan budaya dan ianya sangat terkait rapat dengan kecekapan budaya. Indikator struktur, proses dan output akan memberikan profil sebenar kecekapan budaya yang dinilai sementara indikator outcome pula tidak dikategorikan sebagai domain. Ia dikategorikan sebagai perspektif bagi menjelaskan penilaian yang dilakukan di peringkat organisasi, pelanggan, dan komuniti. Rajah 1.0 di bawah menunjukkan profil komponen penilaian yang dibangunkan oleh Linkins et.al (2002).



Rajah 1.0 Profil Komponen Penilaian
Linkins et.al (2002)

Berdasarkan kepada Rajah 1.0, profil komponen penilaian yang dibangunkan oleh Linkins et.al (2002) telah menunjukkan dengan jelas teknik yang digunakan untuk melihat kecekapan budaya bagi organisasi penjagaan kesihatan. Bahagian domain telah menunjukkan komponen yang terlibat dan fokus tumpuan diseleraskan melalui tiga indicator utama yang dapat memberikan keputusan terhadap kecekapan budaya yang dinilai. Indikator outcome memberikan perspektif berbeza berdasarkan kepada tiga peringkat iaitu organisasi, pelanggan dan komuniti. Akhirnya Profil Penilaian Kecekapan Budaya yang dibentangkan dalam laporan akhir oleh Linkins et.al (2002) ini menyumbang kepada aspek penilaian untuk organisasi tersebut. Kajian oleh Linkins et.al (2002) ini menawarkan pendekatan ketara yang disasarkan untuk menjalankan penilaian organisasi dan berfungsi sebagai satu lagi langkah dalam pembangunan alat penilaian yang berdaya maju. Kerja tambahan diperlukan untuk mengambil Profil ke peringkat seterusnya. Ini termasuk penambahbaikan bidang prestasi, domain dan indikator, definisi dan pengesahan langkah-langkah prestasi, pengenalpastian atau pembangunan sumber data dan instrumen pengumpulan data, dan menguji profil. Maklum balas daripada panel pakar teknikal, informan utama, dan kakitangan penjagaan kesihatan dalam organisasi tersebut menunjukkan bahawa profil penilaian yang dilakukan dapat menyediakan landasan yang kukuh untuk pembangunan dan pemberian perkhidmatan penjagaan kesihatan di masa hadapan. Profil yang disediakan juga sangat berguna sebagai panduan kepada penanda aras dan langkah-langkah untuk meningkatkan kecekapan budaya dalam organisasi.

Kajian yang dilakukan oleh Linkins et.al (2002) ini sebenarnya membuka suatu ruang dan peluang untuk dijadikan sebagai panduan dalam melakukan analisis dan perbincangan. Jika diperhatikan sepantas lalu, profil penilaian yang dilakukan bersifat umum dan menyentuh kesemua aspek yang terlibat dalam melihat kecekapan budaya organisasi tersebut. Uniknya kajian ini adalah, indicator yang bertindak sebagai komponen penilaian iaitu struktur, proses

dan output digunakan untuk memudahkan penilaian dilakukan. Hal ini yang menjadikan kajian oleh Linkins et.al (2002) sangat relevans dijadikan panduan dalam menganalisis dan membincangkan pembangunan pangkalan data Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Linkins et.al (2002) sebenarnya telah menggunakan pendekatan dalam bidang sosiologi untuk membangunkan profil penilaian bagi menilai kecekapan budaya. Namun aspek tersebut tidak dibincangkan secara terperinci dan fokus hanya diberikan kepada aspek teknikal bagi memudahkan kajian beliau mencapai matlamatnya. Bertitik tolak daripada hal tersebut, kajian ini dapat meletakkan suatu asas kukuh dalam memastikan penggunaan tiga komponen tersebut adalah berpaksikan kepada bidang sosiologi yang dapat digunakan secara optimum bagi memenuhi tuntutan dan keperluan kajian. Selain itu walaupun Linkins et.al (2002) telah sedikit sebanyak membantu dalam melakukan analisis, tidak semua perkara dan hal penting yang dinyatakan mereka sesuai untuk kajian ini. Suatu pemerhatian khusus telah dilakukan dan perhalusi dengan teliti bagi memastikan tuntutan dan keperluan kajian ini tidak terpesong dari matlamatnya. Untuk memenuhi tujuan tersebut, bahagian seterusnya akan membincangkan dengan jelas analisis secara sosiologi yang dilakukan untuk kajian ini.

ANALISIS PENILAIAN


Analisis dilakukan dengan menyediakan lima domain serta fokus tumpuan untuk kajian ini. Kelima-lima domain ini sesuai untuk digunakan sebagai kayu pengukur dalam menganalisis aspek sosiologi dalam kajian ini. Sedikit perubahan dilakukan terhadap penjelasan untuk domain tersebut dan juga fokus tumpuan. Ia bagi memastikan elemen-elemen tersebut sesuai dalam penilaian yang dilakukan. Jadual 1.0 dibawah menunjukkan ringkasan kepada domain dan fokus tumpuan yang digunakan.

Domain	Fokus Tumpuan
Nilai Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Kepimpinan • Maklumat / data yang berkaitan
Governans	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar / Polisi
Perancangan dan Pemantauan (penilaian)	<ul style="list-style-type: none"> • Input pelanggan, komuniti dan kakitangan • Rancangan dan pelaksanaan • Pengumpulan dan penggunaan maklumat / data
Komunikasi	<ul style="list-style-type: none"> • Memahami keperluan komunikasi dan citarasa pelanggan • Komunikasi dengan komuniti • Komunikasi intra-organisasasi
Infrastruktur	<ul style="list-style-type: none"> • Kewangan / belanjawan • Teknologi • Kemudahan Fizikal / Persekutaran

Jadual 1.0 Domain dan Fokus Tumpuan

Jadual 1.0 menunjukkan lima komponen domain dengan fokus tumpuan yang digunakan dalam analisis ini. Nilai organisasi merujuk kepada perspektif dan sikap organisasi berkenaan dengan nilai dan kepentingan yang sedia ada bagi memastikan aspek-aspek kualiti sentiasa dipelihara. Dalam hal ini, kajian merujuk kepada Institut Kajian Etnik (KITA) sebagai organisasi utama bagi membolehkan penilaian dilakukan berdasarkan kepada fokus tumpuan tersebut. Tadbir Urus pula merangkumi penentuan hala tuju, perancangan dasar, dan perkara lain yang digunakan oleh organisasi untuk memastikan kajian ini dapat dilaksanakan dengan

berjaya. Perancangan dan Pemantauan atau diringkaskan sebagai penilaian melibatkan suatu mekanisme dan proses yang digunakan untuk perancangan meningkatkan kecekapan dan kualiti, program di masa hadapan dan operasi. Selain itu komponen ini juga dapat membantu dalam memastikan sebarang masalah dapat dikesan dan diselesaikan secara proaktif. Kemudian komponen komunikasi berupaya menilai dan memastikan pertukaran maklumat antara organisasi dilakukan dengan sempurna terutamanya di antara pengkaji, kakitangan KITA, UKM dan mana-mana pihal yang terlibat dalam kajian ini. Komponen infrastruktur organisasi pula melibatkan penilaian terhadap sumber organisasi yang diperlukan untuk menjayakan projek pembangunan pangkalan data. Akhir sekali perkhidmatan atau intervensi melibatkan maklum balas dari pengguna terhadap prototaip pangkalan data yang siap dibangunkan. Seterusnya Rajah 1.2 berikut menunjukkan rekabentuk komponen profil penilaian yang dibangunkan dengan menggunakan kelima-lima domain berikut berasaskan kepada tiga pendekatan dalam sosiologi, iaitu struktur, proses dan output.



Rajah 1.2 Rekabentuk Komponen Penilaian

Rekabentuk komponen penilaian ini dapat memudahkan lagi pemahaman dalam usaha menilai keupayaan pembangunan projek ini dilaksanakan. Kelima-lima komponen yang mewakili domain itu disemak dengan menggunakan fokus tumpuan dengan merujuk kepada bahagian pembuktianya. Struktur, proses dan output pula merupakan indicator atau penanda aras yang dapat memastikan domain dan fokus tumpuan dinilai dalam suatu tahap yang lebih luas. Akhir sekali, struktur, proses dan output ini memberikan outcome atau hasil kepada penilaian yang dilakukan. Bahagian seterusnya menunjukkan proses analisis yang dilakukan dengan menggunakan kelima-lima domain tersebut dan diterjemahkan melalui lima jadual.

PENILAIAN PROFIL KAJIAN

Penilaian kajian ini dipersembahkan melalui lima jadual yang setiap satunya dijelaskan secara ringkas mengenai domain, fokus tumpuan serta analisis yang menggunakan struktur, proses dan output.

Domain: Nilai Organisasi

Perspektif institusi dan sikap bagi memudahkan perjalanan kajian ini dianalisis dan diperhalusi secara umum untuk memudahkan perbincangan dilakukan. Institusi yang terlibat adalah Institut Kajian Etnik (KITA) dan Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL).

Fokus Tumpuan	Indikator		
	Struktur	Proses	Output
• Kepimpinan	<ul style="list-style-type: none"> • Individu di peringkat eksekutif bertanggungjawab melaksana / memantau projek kajian • Pasukan / jawatankuasa kakitangan pertengahan dan tinggi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan kajian ini. • Pembiayaan untuk menjalankan kajian 	<ul style="list-style-type: none"> • Kajian dapat dilaksanakan dengan mudah di atas sokongan individu, kakitangan peringkat pertengahan dan peruntukan kewangan yang realistik. 	<ul style="list-style-type: none"> • Perancangan strategik untuk pembangunan pangkalan data dapat dilakukan dengan mudah.
• Maklumat / data yang berkaitan	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan mekanisme untuk memudahkan pengumpulan dan penyebaran data dan maklumat • memberi kebenaran untuk perkongsian data dan maklumat 	<ul style="list-style-type: none"> • Segala urusan mengumpul dan mendapatkan data dan maklumat yang berkait dengan kajian dilakukan menerusi persefahaman dan kepercayaan melalui organisasi. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tesis berbahasa Melayu yang dihasilkan di UKM sejak dari tahun 1970 hingga 2014 dapat dikumpul dengan mudah.

Jadual 1.2 Nilai Organisasi

Domain: Governans

Governans merangkumi suatu pelan holistik yang dimaktubkan di dalam perundangan dan peraturan institusi seperti UKM untuk memudahkan matlamat dicapai atau dipenuhi dalam konteks kajian yang dijalankan. Dalam hal ini, dasar dan polisi penubuhan UKM ditinjau untuk dilihat keberkesanannya dalam menjalankan kajian ini.

Fokus Tumpuan	Indikator		
	Struktur	Proses	Output
• Dasar / Polisi	Dasar dan polisi UKM terhadap penggunaan Bahasa Melayu dalam konteks pembangunan dan pembinaan ilmu untuk disiplin akademik yang ditawarkan di peringkat prasiswazah dan pascasiswazah telah termaktub dalam perlembagaan UKM. (*rujukan)	Menggalakkan kajian dan penyelidikan secara berterusan untuk memastabatkan perkongsian ilmu pengetahuan berbahasa Melayu melalui fakulti, institut, pusat dan institusi perkhidmatan lain yang bernaung di bawah UKM.	Dasar dan polisi ini menjadi motivasi dan inspirasi utama bagi membangunkan pangkalan data.

Jadual 1.3 Governans

Domain: Perancangan dan Pemantauan (penilaian)

Mekanisme dan proses yang digunakan untuk perancangan dan pelaksanaan kajian, sistem dan aktiviti yang diperlukan untuk mengesan dan menilai tahap kecekapan organisasi secara proaktif.

Fokus Tumpuan	Indikator		
	Struktur	Proses	Output
• Input pelanggan, komuniti dan kakitangan.	Disediakan melalui proposal kajian ini.	Input didokumenkan dalam kertas laporan kajian.	<ul style="list-style-type: none"> • Malum balas diperolehi dengan mudah • keperluan dapat disenaraikan bagi memenuhi hasrat kajian.
• Rancangan dan pelaksanaan	Disediakan melalui proposal kajian ini.	Rancangan dan pelaksanaan didokumenkan bagi memenuhi matlamat kajian	Kajian dapat dijalankan secara sistematik dan mematuhi garis waktu yang disasarkan.
• Pengumpulan dan penggunaan maklumat / data	Disediakan melalui proposal kajian ini.	<ul style="list-style-type: none"> • Melakukan kajian pustakaan dengan berbantuan kefahaman dalam bidang sosiologi dan sejarah penubuhan UKM. • Tesis berbahasa Melayu dikumpul dan didokumenkan melalui kebenaran daripada PTSL. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kefahaman dalam bidang sosiologi dapat memudahkan kajian ini dipaksikan dengan kukuh. • tesis dalam bentuk digital diperolehi dan dikategorikan mengikut disiplin ilmu di UKM.

Jadual 1.4 Perancangan dan Pemantauan (penilaian)

Domain: Komunikasi

Pertukaran maklumat antara organisasi di kalangan kakitangan, dan pelajar untuk memenuhi tuntutan kajian.

Fokus Tumpuan	Indikator		
	Struktur	Proses	Output
• Memahami keperluan komunikasi dan citarasa pelanggan (pelajar)	Dokumen untuk bahagian ini disediakan melalui proposal	Memahami citarasa pelanggan dalam pembangunan pangkalan data dilakukan melalui pendekatan konsep HCI dan penelitian kepada kajian yang berkait dengan pembangunan pangkalan data.	Pengkalan data yang dibangunkan dapat memenuhi keperluan para pelajar, ahli akademik, sarjana dan intelektual.
• Komunikasi dengan institusi lain (inter-organisasii)		Dilakukan melalui persefahaman dan perkongsian ilmu pengetahuan	Berjaya mendapatkan 4000 tesis yang telah didokumenkan dalam Bahasa Melayu.
• Komunikasi intra-organisasii		Dilakukan melalui jalinan hubungan mesra dengan kakitangan di KITA terutamanya bagi memudahkan kajian.	Pangkalan data dapat dibangunkan dengan mudah dan memenuhi matlamat kajian.

Jadual 1.5 Komunikasi

Domain: Infrastruktur

Infrastruktur merujuk kepada sumber organisasi yang diperlukan untuk memudahkan kajian dilaksanakan. Ini merangkumi kewangan, teknologi, kemudahan fizikal dan rangkaian.

Fokus Tumpuan	Indikator		
	Struktur	Proses	Output
• Kewangan / belanjawan	Sejumlah peruntukan kewangan telah disalurkan oleh KITA untuk menjayakan kajian ini.	Peruntukan kewangan tersebut digunakan untuk pembelian perkakasan, perisian dan peralatan lain.	Pembangunan pangkalan data dapat disiapkan mengikut tarikh yang ditetapkan.
• Teknologi	Pihak KITA menggalakkan penggunaan teknologi terkini untuk kajian ini.	Diterjemahkan melalui implementasi konsep HCI dan pembangunan web 3.0	Pangkalan data berdasarkan web ini memenuhi piawaian konsep HCI dan web4.0.
• Kemudahan Fizikal / Persekitaran	Pihak KITA menyediakan sebuah bilik khas untuk menjalankan kajian ini.	Menggunakan ruang tersebut untuk menjalankan kajian.	Kajian dapat dilaksanakan dengan mudah terutamanya proses pengumpulan data, pembangunan laman web dan pangkalan data.

Jadual 1.6 Infrastruktur

PERBINCANGAN

Bahagian perbincangan melihat analisis yang telah dilakukan sebelum ini melalui dua peringkat, iaitu secara umum dan secara khusus. Secara umumnya ketiga-tiga faktor yang digunakan iaitu struktur, proses dan output dapat memudahkan analisis dilakukan dengan menggunakan lima domain dalam kajian ini. Ketiga-tiga faktor tersebut dapat menghuraikan dengan mudah hal-hal yang berkait dengan kajian dan output kepada domain tersebut menunjukkan kejayaan yang ditunjukkan oleh kajian ini. Dalam suatu aspek yang lebih luas, struktur, proses dan output ini dapat menjelaskan kembali hal-hal penting yang menjadi asas kepada kejayaan pembangunan pangkalan data Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Struktur sebagai contoh dapat memberikan suatu interpretasi menyeluruh terhadap mana-mana aspek yang mendasari kepada proses yang belaku sepanjang kajian dilakukan. Ia bukan sahaja dapat memberikan kekuatan organisasi yang meletakkan asas kukuh untuk kajian ini, malah ia mampu memberikan sokongan awal terhadap mana-mana segmen kajian yang menjadi punca mula kajian ini dilaksanakan. Domain pertama dan kedua sebagai contoh melihat kepada struktur yang mendasari kepada kajian ini di peringkat awal. Institut Kajian Etnik (KITA), Perpustakaan Tun Seri Lanang (PTSL) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) merupakan tiga institusi yang diperhatikan secara umum dan setiap satunya telah dihuraikan melalui Jadual 1.2, 1.3, 1.4, 1.5 dan 1.6. Kajian juga dapat melihat dengan mudah struktur dalaman terhadap pembangunan pangkalan data ini melalui dokumen proposal yang disediakan. Dokumen proposal ini dapat dijadikan sebagai panduan dalam merancang dan menjalankan tugas-tugas penting yang terlibat. Selain itu dokumen proposal juga dijadikan sebagai asas utama untuk menganalisis domain ketiga dan keempat yang merangkumi analisis terhadap faktor dalaman kajian seperti perancangan, pelaksanaan dan sebagainya.

Seterusnya proses yang dihuraikan di dalam kelima-lima jadual sebelum ini merujuk kepada usaha yang dilakukan untuk memenuhi tuntutan dan keperluan kajian. Setiap proses

yang dijelaskan di dalam Jadual 1.2 hingga 1.6 menumpukan kepada usaha yang telah dirancang dan ditentukan melalui perbincangan di antara pengkaji dan penyelia tesis. Walaupun proses yang telah dinyatakan di dalam kesemua jadual itu dilihat sebagai suatu aspek yang mudah, namun ia tidak dapat bersandar dengan sendirinya tanpa ada struktur yang kukuh. Hal ini sebenarnya merujuk kepada pernyataan Giddens (2003) dan Wirutomo (2011) yang menyatakan kejayaan pelaksanaan terhadap mana-mana situasi sosial adalah berpunca daripada struktur yang mantap dan konsisten. Hal ini dapat diterjemahkan terus ke dalam kajian ini. Ringkasnya gagal atau berjaya sesuatu proses itu ditentukan oleh kekuatan struktur yang mendasari kepada mana-mana institusi atau organisasi yang terlibat dalam mana-mana fenomena sosial dan hal ini dibuktikan melalui kejayaan pelaksanaan kajian ini.

Output yang dinyatakan melalui Jadual 1.2 hingga 1.6 dapat memberikan gambaran sebenar hasil yang disumbangkan oleh struktur dan proses yang terlibat. Output bukan sahaja dilihat dalam bentuk fizikal, malah output dalam konteks kajian ini diperhatikan sebagai suatu hasil yang terbentuk daripada persefahaman, tolak ansur dan juga kepercayaan. Sepanjang kajian ini dijalankan, hasil yang paling utama adalah sokongan awal terhadap kajian iaitu melalui tiga institusi utama, KITA, PTSI dan UKM. Ketiga-tiga organisasi ini telah membuka ruang dan peluang seluas-luasnya untuk kajian ini memenuhi tuntutan dan keperluan serta mencapai matlamat yang diidamkan. Dalam suatu konteks yang lebih luas, output yang dihasilkan melalui kajian ini dapat juga diterjemahkan kepada budaya yang akhirnya nanti dapat memberikan suatu sumbangan besar kepada kejayaan UKM menyokong dan memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Kalau diperhatikan dengan lebih dekat lagi, output yang dihasilkan bergantung penuh kepada kekuatan struktur dan perjalanan proses yang lancar. Hal ini sebenarnya memberikan kejayaan terhadap kajian ini dilakukan. Gabungan ketiga-tiga faktor ini sebenarnya dapat menyumbangkan suatu dapatan yang sangat memberangsangkan selain menjadi asas dalam memahami aspek sosiologi yang terlibat sepanjang kajian dijalankan.

Perbincangan secara khusus pula akan memperincikan setiap satu domain berserta dengan focus tumpuan masing-masing melalui Jadual 1.2 hingga Jadual 1.6. Jika ditinjau kepada domain pertama iaitu nilai organisasi, kedua-dua fokus tumpuan yang dihuraikan melalui Jadual 4.2 dapat memberikan suatu hasil yang sangat membantu. Nilai organisasi memfokus kepada kepimpinan yang sedia ada dan juga data dan maklumat yang dapat menyokong kajian ini dilakukan. Kesemua fokus tumpuan ini dilihat mampu memberikan suatu asas utama dalam memastikan kejayaan kajian ini disebabkan tanpa kepimpinan yang mantap dan juga sokongan terhadap maklumat oleh organisasi yang terlibat, sudah tentu kajian ini akan menemui jalan buntu. Namun di atas kerjasama dan persefahaman yang terjalin kukuh di antara pihak Institut Kajian Etnik dan juga Perpustakaan Tun Seri Lanang, kajian ini berjaya memenuhi keperluan yang sangat penting disamping mendapatkan bahan-bahan yang menjadi aset utama kepada pengisian di dalam pangkalan data. Untuk domain kedua iaitu governans, agenda Universiti Kebangsaan Malaysia sewaktu awal penubuhannya sehingga ke hari ini, tetap meneruskan usaha untuk membangun dan mengembangkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kajian dan penyelidikan. Walaupun suatu ketika dahulu sewaktu Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga Kementerian Pengajian Tinggi melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) pada tahun 2003, UKM masih lagi konsisten dan kekal utuh dalam menyokong agenda nasional ini tanpa digugat oleh mana-mana dasar nasional sekalipun. Hal ini yang menjadikan UKM sebagai sebuah gedung ilmu yang mampu melahirkan sarjana, intelektual dan profesional dalam bahasa ibunda. Berkait dengan hal tersebut, analisis yang dilakukan terhadap domain governans ini memberikan suatu hasil yang sangat relevans dengan kajian yang dijalankan. Dasar dan polisi UKM sangat signifikan dengan kajian ini dan seperti yang telah dijelaskan

melalui Jadual 4.3, dasar dan polisi UKM sebenarnya menjadi motivasi dan inspirasi utama untuk memastikan kajian ini dilaksanakan dengan jayanya.

Domain ketiga pula lebih menumpukan kepada perancangan dan pemantauan terhadap kajian ini. Ia juga boleh dijelaskan sebagai penilaian awal terhadap kajian bertujuan memastikan jangkaan hasilnya nanti dapat memenuhi matlamat yang dinyatakan. Dalam konteks ini, dokumen awal kepada domain ini disediakan melalui penulisan proposal dan ianya telah dijelaskan secara terperinci bagi memastikan kajian dapat memenuhi tuntutan dan keperluan yang dijangkakan. Ringkasnya analisis terhadap domain ini memberikan suatu hasil yang cukup positif. Input dari pelanggan (pelajar, ahli akademik, sarjana dan intelektual), rancangan dan pelaksanaan dan pengumpulan data dan maklumat dilakukan dengan mudah serta hasil daripada ketiga-tiga focus tumpuan tersebut dapat memenuhi kehendak dan matlamat kajian. Kemudian domain keempat iaitu komunikasi turut dirujuk kepada dokumen proposal yang disediakan. Domain ini lebih menumpukan kepada interaksi di antara pengkaji dengan pelajar, ahli akademik, sarjana dan intelektual. Dalam hal ini, komunikasi dapat dilakukan dengan mudah disamping sokongan yang diberikan terutamanya dalam konteks inter-organisasi dan intra-organisasi menunjukkan respon yang positif. Ringkasnya komunikasi yang berlaku dalam kajian ini sangat positif dan telah memberikan suatu hasil yang sangat membantu sepanjang kajian dijalankan. Akhir sekali analisis terhadap domain infrastruktur dapat diperhatikan dengan mudah melalui tiga focus tumpuan iaitu kewangan, teknologi dan kemudahan fizikal. Kewangan sebagai contoh telah disokong oleh sejumlah peruntukan yang diberikan oleh pihak KITA kepada kajian ini. Ia telah dapat digunakan dengan berhemah dan hasilnya pangkalan data dapat dibangun tanpa menghadapi sebarang masalah. Begitu juga halnya dengan teknologi. Galakan oleh pihak KITA sendiri terhadap teknologi terkini sangat membantu dalam menggunakan konsep HCI sebagai asas dalam membangunkan pangkalan data yang berasaskan web ini. Begitu juga dengan penyediaan sebuah ruang khas bagi menjalankan kajian ini. Sebuah ruang fizikal telah diberikan oleh pihak KITA bagi memastikan pengkaji dapat memberikan tumpuan penuh bagi menjalankan kajian. Hal ini sangat membantu dan kejayaan membangunkan pangkalan data Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu bukan sahaja melibatkan pengkaji dan penyelia tesis, malah kakitangan KITA samada yang akademik dan bukan akademik, PTSI dan UKM turut terlibat dalam memastikan kejayaan untuk pembangunan pangkalan data ini.

KESIMPULAN

Analisis secara sosiologi telah berjaya mengupas dengan terperinci aspek-aspek penting yang berkait dengan pembangunan Pangkalan Data BMBI. Kefahaman yang dibina daripada konsep pembangunan masyarakat dan juga penilaian profil oleh Lewins Group dapat memudahkan tugas untuk mengenalpasti lima domain utama dan fokus tumpuan yang terlibat sepanjang kajian ini dijalankan. Kelima-lima domain ini dapat dijelaskan sebagai elemen asas dalam kajian ini dan ianya juga bertindak sebagai faktor utama untuk kajian mencapai matlamat yang diidamkan. Namun hal yang paling utama yang ingin ditekankan adalah penggunaan tiga faktor penting iaitu struktur, proses dan output. Ketiga-tiga faktor ini sebenarnya dapat membuka dan menghuraikan kelima-lima domain terbabit seterusnya memudahkan kajian melihat secara menyeluruh perkara-perkara penting yang mendasari kepada kejayaan pembangunan pangkalan data ini. Struktur, proses dan output bukan sahaja dapat memberikan hasil yang konsisten malah ia juga dapat dijadikan sebagai kayu pengukur dalam membaiki kelemahan yang ada dalam kajian ini. Ketiga-tiga faktor ini sebenarnya telah memberi sumbangan yang besar kepada kajian untuk meletakkan suatu tiangsari kukuh dalam

usaha menggabung jalankan bidang sosiologi dan teknologi maklumat menjadi suatu lapangan kajian yang baru di dalam akademik.

RUJUKAN

- Giddens, A. 2009. Sociology. Cambridge: Polity Press.
- Hernes, G. 1976. Structural change in social processes. American Journal of Sociology Vol. 82, No. 3 pp. 513-547.
- Linkins, K.W., McIntosh, S., Bell, J. & Chong, U. 2002. Indicators of Cultural Competence in Health Care Delivery Organizations: An Organizational Cultural Competence Assessment Profile.
- Loyal, S. 2003. The Sociology of Anthony Giddens. London: Pluto Press.
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia 2009.
- Stimson, R., Stough, R. & Salazar, M. 2005. Leadership and institutional factors in endogenous regional economic development. Invest Reg, Volume 7, hlm. 23-52.
- Wirutomo, P. 2011. Social development policies on informal sector in Solo. International Journal of Administrative Science & Organization, Volume 18, Number 2, hlm. 94-107.
- Wirutomo, P. 2014. Sociological reconceptualization of social development: with empirical evidence from Surakarta City, Indonesia. Asian Social Science; Vol. 10, No. 11, hlm. 283-293.
- Wirutomo, P. 2016. Dealing with brawls in Jakarta's slum area: Pursuing social development through social engagement. The Senshu Social Well-being Review No.3, hlm. 93-109.

Ahmad Rizal Mohd Yusof
Institut Kajian Etnik
Universiti Kebangsaan Malaysia
army@ukm.edu.my

Mohd Firdaus Hamdan
Institut Kajian Etnik
Universiti Kebangsaan Malaysia
xperia5221@gmail.com

Shamsul Amri Baharuddin
Institut Kajian Etnik
Universiti Kebangsaan Malaysia
pghkita@ukm.edu.my

Mohd Syariefudin Abdullah
Jabatan Pengajian Kewarganegaraan dan Kemasyarakatan, Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
syariefudin@fsk.upsi.edu.my